

## Musykilah di dalam Masyarakat Islam

Lahirnya Islam yang dibawa oleh Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* ke alam buana ini ialah bertujuan menyusun masyarakat manusia agar menjadi sebuah masyarakat luhur yang aman dan damai menjauhkan noda, dan kacau bilau di antara anggota masyarakat yang berpandukan kitab suci al-Qur'ān dan sunnah Rasulullah. Ini tidak dapat disangkal lagi kebenarannya, kerana sebelum Islam lahir ke dunia membawa rahmat dan pertunjuk, kedudukan masyarakat manusia tenggelam timbul di dalam kezaliman dan kekejaman, mereka berajakan hawa nafsu, si daif menjadi mangsa si kuat, si miskin menjadi hamba abdi kepada si kaya, si wanita-wanita sentiasa menjadi korban dan begitulah keadaan yang berlaku di kalangan masyarakat manusia di kala itu.

Oleh: Muhammad Abu Al-Syukri – Kaherah

Kedatangan Islam adalah menyingkap tabir kegelapan, menuju ke alam cerah di tengah masyarakat yang sedang bermaharajalela itu, dan memberi jaminan kepada manusia yang sedang di dalam ancaman dan ketakutan, kerana Islam mengambil peranan menghapuskan hulubalang liar yang sedang membiak; menyapu bersih khurafat dan bid'ah yang sedang berjalan lancar. Rasulullah mengembangkan Islam dan membina sebuah masyarakat luhur, bukanlah dengan kekuatan mata pedang sebagaimana yang telah difitnah oleh orientalis-orientalis yang tidak bertanggungjawab di atas kesucian dan kemurnian Islam. Tetapi tersebarinya Islam ke pelusuk alam ini, adalah dengan kebenarannya yang secocok dengan fitrah dan tabiat manusia. Islam tidak memaksa seluruh manusia mesti menganut agama Islam, kerana telah terang kenyataan dari Allah dengan firman-Nya: *lā ikrāha fī al-dīn qad tabayyana al-rushdu minā al-ghayyi*. Yang bererti: Tidak ada paksaan di dalam Islam, sesungguhnya telah terang di antara pertunjuk dan kesesatan. Jadi bagaimana pula Islam tersebar dengan dengan kekerasan? Maka tidak syak

lagi kepada manusia yang menggunakan akal yang waras akan dapat meneliti akan hakikat kebenaran Islam.

Zaman yang paling cemerlang bagi masyarakat Islam ialah semasa baginda Rasul masih hidup, dan seterusnya di zaman sahabat-sahabatnya, kerana masyarakat Islam di kala itu telah dapat mempengaruhi manusia yang cintakan keharmonian hidup. Di kala itu umat Islam hidup di dalam masyarakat yang aman damai, hormat menghormati di antara satu sama lain. Mereka berpegang teguh dengan ajaran-ajaran agamanya dengan penuh rasa takwa yang mendalam di jiwanya di dalam menunai tanggungjawab mereka mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Kuasa, dan bertugas ikhlas terhadap masyarakat Islam sendiri dan masyarakat manusia seluruhnya. Pendek kata hanyalah satu yang mereka hadapi, iaitu menghadapi dan menangkis sebarang perseteruan dan fitnah-fitnah dari kaum kafir dan munafikin semata-mata. Namun begitu perkembangan risalah Islam terus pesat dan mempengaruhi jiwa manusia yang betul-betul mencari hakikat kebenaran

yang abadi, tambahan pula Rasul Allah dan para sahabat-sahabatnya menunjukkan sifat-sifat yang terpuji, ikhlas luhur di tengah kaum yang bermaharajalela dengan hawa nafsu gelojoh itu, pendek kata peribadi Rasulullah adalah mengambil peranan penting di dalam mengatur sebuah masyarakat Islam yang tulen.

Tiga belas abad telah menjelang lalu Islam menjelma ke alam dunia ini untuk menyusun masyarakat yang berpandukan Qur'an dan hadith Rasulullah, maka dapatlah kita mengikuti melalui lembaran sejarah akan tinggi rendahnya kedudukan masyarakat Islam dari semasa ke semasa, dan sejarah manakah kemajuan-kemajuan yang telah dapat dibuat oleh umat Islam di dalam masyarakatnya. Maka sekarang kita telah sampai kepada kurun yang dikatakan kurun dua puluh. Kurun manusia menepa<sup>1</sup> kemajuan yang silih berganti di dalam semua aspek. Pemikiran manusia pun telah tinggi di dalam mengenal hakikat dan tidak hakikat, kerana zaman pengetahuan telah muncul di tengah masyarakat manusia di timur dan di barat. Tetapi bagaimana

<sup>1</sup> Ejaan sebenarnya menempa

pula dengan telatah masyarakat Islam di tengah dunia yang begitu moden dan berkemajuan. Sedangkan dahulunya masyarakat Islam penuh kecemerlangan yang telah diakui oleh kawan dan lawan. Maka kita berani menyatakan sekarang bahawa masyarakat Islam sedang dalam keadaan pincang dan amat mengecewakan jika dipandang dari kaca mata Islam.

Masyarakat Islam sekarang sedang menghadapi beberapa musykilah dari dalam kerana anggota masyarakat Islam sendiri telah banyak mencabul kesucian dan kemurnian Islam sedangkan musuh-musuh Islam sentiasa mencari peluang untuk menyokong sebarang usaha umat Islam yang hendak menconteng dan menodai kemurnian Islam. Kalau diperlukan wang ringgit akan dicurah, kalau memerlukan tenaga akan dikerah. Begitulah seterusnya. Maka jadilah masyarakat Islam di saat-saat akhir ini menghadapi ancaman-ancaman dan musykilah-muskilah yang menodai

keharmonian masyarakat Islam sendiri di antara musykilah itu ialah:

**1. Kepercayaan:** Di dalam masyarakat Islam sekarang terdapat golongan yang telah lemah kepercayaannya terhadap kekuatan dan kebolehan Islam untuk menuju kebahagiaan hidup di dunia ini –

hanyalah mereka beriman kepada Allah semata-mata tetapi mereka tidak mahu beriman kepada amalan-amalan yang disuruh oleh Allah dan Rasul-Nya. Maka dari unsur-unsur kepercayaan itu menjadikan masyarakat Islam telah bercampur aduk dengan anasir-anasir yang menghancurkan keharmonian dan kesuciannya, seperti kebudayaan kuning telah merebak di tengah masyarakat Islam yang mana menjadi kesukaan generasi muda Islam, peraduan-peraduan cantik yang separuh bogel telah pun digalakkan oleh segolongan anggota masyarakat Islam sehinggakan golongan pendidikan pun menyertai sama. Maka perkara-perkara tersebut adalah menodai kemurnian masyarakat Islam yang telah diatur oleh

Rasulullah *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

**2. Judi:** Perjudian sedang membiak di tengah masyarakat Islam hari ini, bahkan telah digalakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab terhadap kesucian Islam. Maka dengan wujudnya perjudian dengan apa corak sekalipun di tengah masyarakat Islam adalah menodai masyarakat Islam sendiri. Kerana perjudian adalah membawa umat Islam ke alam kepapaan dan menuju ke dunia malas mencari kemajuan yang halal jika diamal, kerana mereka yang berjudi adalah berangan-angan kepada keuntungan secara automatik, sedangkan angan-angan itu mustahil didapatinya. Oleh itulah Islam mengharamkan perjudian dengan apa coraknya sekalipun.

**3. Bid'ah dan khurafat:** Masalah bid'ah dan khurafat jua menjadi musykilah di dalam masyarakat Islam kita, yang mana bid'ah dan khurafat sedang berjalan lancar, sama ada disandar kepada agama akidah atau pun kepada adat resam. Pendek kata khurafat dan bida'ah masih wujud di dalam masyarakat Islam bertukar ganti. Kalau di dalam masyarakat di kampung-kampung kepercayaan mereka terhadap hantu jembalang dan adat resam yang tidak berasaskan agama masih mendalam, tetapi di dalam masyarakat ini boleh dikatakan berkurangan di dalam masyarakat Islam di bandar-bandar namun begitu di dalam masyarakat bandar pula telah dihinggap oleh bid'ah-bid'ah moden yang tidak berunsurkan kesucian agama Islam, yang mana ditelurkan dari barat, sehinggakan susila peradaban Islam telah pun musnah dan terancam.

**4. Arak:** Peminum arak di kalangan



Sebahagian daripada tentera-tentera Saudi sedang berbaris sewaktu menyambut kepulangan al-Malik Faisal dari lawatan baginda ke luar negeri.

umat Islam bertambah dari semasa ke semasa di saat-saat yang akhir ini, kerana pihak yang tertentu telah pun menjadikan arak itu sebagai minuman kehormat di sisi mereka. Maka dengan amalan itu adalah memberi kesan buruk di kalangan masyarakat Islam, yang mana membuatkan setengah pemuda-pemuda Islam berasa terlalu megah kalau mereka dapat meminum arak; sedangkan arak adalah ibu segala kejahatan, kerana arak merosakkan otak. Bermakna mereka yang minum arak adalah memilih ke jalan gila buat beberapa waktu.

**5. Pengaruh Material:** Pengaruh ini tidak dapat disangkal lagi telah berwujud membiak di kalangan masyarakat Islam, yang mana membuatkan setengah anggota masyarakat Islam berkiblat kepada kebendaan di dalam perjuangannya. Kalau sudah pengaruh kebendaan mendalam di jiwa umat Islam, mudah sahajalah dibeli belah dengan harga yang murah, untuk memesonkan hakikat kebenaran. Ini dapat kita saksikan beberapa drama hidup umat Islam di saat-saat akhir ini yang mana ada yang telah terpesong akidahnya dan ada yang mati cita-cita perjuangannya oleh kerana pengaruh material mendalam di jiwanya, hingga sanggup mereka menjual maruah dirinya dan sanggup pula menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah dan mengharamkan apa yang dihala oleh syariah, bertujuan untuk mendapat sesuatu daripada pihak yang tertentu. Sekarang kita selalu dapati berlaku di dalam masyarakat Islam *corruption* berjalan lancar ini semua adalah beransur dari dari pengaruh kebendaan yang mendadak di jiwa anggota masyarakat Islam.

Di saat-saat akhir ini pula kita terdengar ada di antara orang-orang Islam telah memasuki agama Kristian. Pendek kata berita itu adalah menggepalkan masyarakat Islam kita. Tetapi apakah rahsianya di sebalik penukaran agama itu? Maka tidak syak lagi bahawa selain daripada kelemahan iman terhadap Allah ialah mereka mengejar wang ringgit yang telah dijadikan satu pengaruh yang besar dan kuat di kalangan *missionary* Kristian di seluruh alam ini. Pendek kata kalau pengaruh kebendaan telah menjalar hidup di jiwa umat Islam maka masyarakat Islam tidak akan berada di dalam keharmonian lagi.

Setelah kita dapati beberapa musykilah yang sedang dihadapi oleh masyarakat Islam di kurun dua puluh ini, yang mana mungkin akan membiak terus menerus mengancam kemurnian masyarakat Islam sendiri, maka perlulah kita mencari jalan ke arah pembaikannya, agar sebarang musykilah yang dihadapi oleh masyarakat Islam itu tidak menular terus menerus membiak, maka kita berharap pihak pemerintah Islam segera menyedari akan akibat-akibat buruk yang akan menimpa umat Islam di masa datang. Jadi pemerintah patutlah mengambil sikap yang tegas untuk melenyapkan sebarang noda-noda yang boleh mencemarkan kemurnian masyarakat Islam itu, dan para alim ulama Islam adalah berkewajipan bahu membahu ke arah membentuk masyarakat Islam yang betul-betul berpegang kepada susila peradaban Islam. Tetapi berani kita menegaskan bahawa sebarang usaha ke arah itu tidak akan mendapat kejayaan, selagi tenaga pemerintah dan alim ulama tidak bersatu

menghapuskan musykilah-musykilah yang dihadapi oleh masyarakat Islam sekarang. Oleh itu berusaha dan berpadu serta bersefahamanlah ke arah kebaikan kita bersama mudah-mudahan masyarakat Islam akan menjadi contoh kepada seluruh manusia di alam ini, dan akan mendapat pujian dan kebahagiaan daripada Allah di dunia dan di akhirat. *Alladhīna āmanū wakānū yattaqūna lahumu al-bushrā fī al-ḥayāti al-dunya wafti al-akhirati latabdīla likalimāti Allāhi dhālika huwā al-fawzu al-‘azīm.* (Surah Yunus ayat 63-54).

Ertinya: Orang-orang yang beriman dan takut kepada Allah, mereka mendapat khabar kesukaan di waktu hidup di dunia dan akhirat. Tiada bertukar-tukar kalimat-kalimat (hukum-hukum) Allah. Demikian itulah suatu kemenangan yang besar.

#### Buku Baru.

#### Istimewa

RISALAH  
PENDIDEKAN  
DAN  
KELUARGA  
Kumpulan dari kata2  
dan nasihat yang berharga  
Al-Imam Al-Shahid Hasan  
Al-Banna Pemimpin Al-  
Ekhwanul-Muslimin yang  
mustahak di-jadikan pan-  
duan hidup di-dalam suatu  
masharakat Islam yang  
bergerak maju.

Mustahak di-bacha oleh  
pemuda dan pemudi Islam  
angkatan baru yang chinta-  
kan Islam.

Sa-buah \$1.00

Pesan-lah kepada:

Q A L A M

356, Geylang Road,

Singapura, 14.